

PERDAGANGAN AWAL BRUNEI

*Dato Paduka Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif
Awang Haji Zainuddin bin Haji Hasan*

Pendahuluan

Pada zaman dahulu Brunei ialah sebuah negeri yang subur, kaya dengan hasil buminya. Ada yang diperolehi dari laut. Ada juga diperolehi dari hutan dan bukit-bukau. Hasil-hasil itu antara lain ialah kapur barus, kayu gaharu, raksamala, cendana, sagu, padi, rotan, lilin, madu lebah, gading gajah, kulit kura-kura, sarang burung, rempah, emas, mutiara, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain.

Sebahagian daripada hasil-hasil yang disebutkan itu, diperolehi daripada penduduk pesisir pantai seperti nelayan. Sebahagiannya pula diperolehi daripada penduduk pedalaman seperti orang Kedayan, orang Dusun atau orang Murut.

Barang-barang tersebut dibawa ke pasar atau diborongkan kepada Padian untuk ditukar atau dijual kepada penduduk tempatan yang tinggal di kawasan pesisir pantai. Kadang-kadang ada juga penduduk di pesisir pantai pergi ke pedalaman atau pengkalan-pengkalan sungai untuk mendapatkan barang-barang tersebut dikenali sebagai Pengalu.

Jual Beli Zaman Dahulu

Cara orang zaman dahulu berjual beli adalah dengan bertukar-tukaran barang. Biasanya barang-barang asas seperti gula, garam, minyak atau ikan

ditukar dengan padi, sagu, rotan, sayur-sayuran atau buah-buahan menurut persetujuan kedua-dua belah pihak, iaitu di antara penjual dengan pembeli.

Kadang-kadang cara berjual beli begini rumit, ramai yang tidak puas hati. Ada yang untung ada yang rugi. Tetapi kerana sebab-sebab tertentu, mereka akur dengan ketetapan yang telah diputuskan, maka pihak penguasa negeri pun berikhtiar mencipta alat pertukaran barang. Alat ini mempunyai nilai dan boleh memuaskan hati kedua-dua belah pihak, iaitu pembeli dan penjual. Alat inilah yang digunakan sebagai mata wang.

Mata Wang Brunei

Pada awalnya Brunei menggunakan kulit siput dan logam timah sebagai mata wang. Kulit siput dan logam timah ini mempunyai nilai tersendiri. Nilai tersebut ditentukan oleh pihak penguasa atau pemerintah.

Pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah, Sultan Brunei Ke-5 (TM 1485–1524), Kerajaan Brunei menggunakan mata wang China yang dipanggil Pitis atau Kue manakala pada zaman pemerintahan Sultan Saiful Rijal, Sultan Brunei Ke-7 (TM 1533–1581), Brunei telah mengeluarkan mata wang sendiri yang diperbuat daripada timah dan juga emas. Di sebelah muka hadapan mata wang tersebut dibubuh dengan mohor Diraja. Antara Sultan-Sultan Brunei yang pernah mengeluarkan mata wangnya ialah:

- Sultan Muhammad Hasan, Sultan Brunei Ke-9 (TM 1582–1598)
- Sultan ‘Abdul Jalilul Akhbar, Sultan Brunei Ke-10 (TM 1598–1659)
- Sultan Nasruddin, Sultan Brunei Ke-15 (TM 1690–1710)
- Sultan Husin Kamaluddin, Sultan Brunei Ke-16 (TM 1710–1730 dan TM 1737–1740)
- Sultan Muhammad ‘Alauddin, Sultan Brunei Ke-17 (TM 1730–1737)
- Sultan Muhammad Kanzul ‘Alam, Sultan Brunei Ke-21 (TM 1807–1826)
- Sultan ‘Abdul Momin, Sultan Brunei Ke-24 (TM 1852–1885)
- Sultan Hashim Jalilul ‘Alam Aqamaddin, Sultan Brunei Ke-25 (TM 1885–1906)

Sungguhpun pada zaman pemerintahan Sultan-Sultan Brunei yang telah dinyatakan tadi menggunakan mata wang masing-masing. Tetapi perdagangan menggunakan cara pertukaran barang masih juga dilakukan. Sebab pada zaman itu tidak semua penduduk Brunei mampu memiliki wang sendiri.

Brunei Sebagai Pusat Perdagangan

Brunei telah wujud sejak 1500 tahun yang lalu. Tanahnya subur, kaya dengan hasil mahsulnya. Penduduknya berbudi bahasa, mesra dan ramah tamah. Pasarnya besar dan bersih. Barang-barang hasil negeri diniagakan di pusat bandar di tebing Sungai Brunei.

Menurut riwayat China, pada KM X, Brunei begitu termasyhur sebagai pusat perdagangan. Pelabuhannya aman, kaya dengan barang-barang dagangan dan terlindung daripada angin dan ribut. Ramai ahli pelayaran dan ahli perniagaan datang ke Brunei untuk bermiaga ada yang datang dari negeri Arab, India dan China. Peniaga-peniaga dari negeri jiran juga datang ke Brunei untuk berjual beli. Antaranya ialah orang Patani, Suluk, Manila, Jawa, Bugis, Siam, Pegu, Kochin, Batak, Aceh dan orang-orang dari Tanah Melayu seperti Pahang, Terengganu, Melaka, Kelantan, dan Singapura.

Apabila ahli-ahli perniagaan itu merasakan hidup di Brunei ini aman dan selesa, maka ada di antara ahli-ahli perniagaan itu berkahwin dengan perempuan tempatan, dan akhirnya mereka terus menetap di Brunei menguruskan perniagaannya.

Antara faktor Brunei menjadi pusat perdagangan ketika itu adalah:

- Pelabuhan Brunei aman, selamat dan terlindung daripada angin ribut.
- Pelabuhan Brunei kaya dengan barang makanan, air dan bahan api mudah didapati.
- Penduduk Brunei berbudi bahasa, mesra dan ramah tamah, senang membuat perhubungan.
- Cara berjual beli teratur dan barang-barang yang diperniagakan selamat dan dilindungi oleh pihak pemerintah.

Perdagangan Brunei dengan China

Sejak orang Cina mengetahui jalan laut ke Brunei, perdagangan Brunei dengan China berjalan dengan baik.

Peniaga-peniaga Cina datang ke Brunei menggunakan jong yang dipanggil Wangkang. Mereka membawa barang-barang dagangan buatan China seperti tembikar, pinggan mangkuk, kiap, barang-barang emas, perak, kain sutera berwarna warni, kain kasa, dan lain-lain.

Sebagaimana orang Cina, orang Brunei juga menjalankan perniagaan ke China. Mereka menggunakan kapal layar dipanggil ‘Sekunyir’. Mereka ini membawa barang-barang dagangan untuk ditukar dengan barang-barang dagangan buatan China.

Pada TM 977, seorang saudagar Cina bernama P‘u-lu-shih telah datang bermiaga ke Brunei. P‘u-lu-shih inilah juga yang diminta oleh Raja Brunei untuk memandu utusan baginda mengadap Maharaja China.

Utusan Raja Brunei itu diketuai oleh Abu Ali (P‘u-ya-li), Syeikh Noh (Shih-nu) dan Qadi Kasim (Koh-shin). Mereka membawa surat dan barang-barang pesambah untuk Maharaja China seperti kapur barus, 100 kulit kurakura, lima keping gaharu, tiga dulang cendana, kayu raksamala dan enam batang gading gajah.

Adat Orang Brunei Berniaga

Adat orang Brunei bermiaga pada zaman dahulu, apabila kapal asing datang ke Brunei, tiga hari sesudah berlabuh, baharulah raja dan pembesar-pembesar baginda berangkat turun ke kapal.

Saudagar dan nakhoda kapal serta anak buahnya menyambut tetamu ini dengan penuh penghormatan. Mereka juga menjamunya dengan bermacam-macam jenis makanan yang enak, oleh sebab itulah tiap-tiap kapal yang datang ke Brunei membawa tukang masak yang mahir.

Selain memberikan pesambah kepada raja, saudagar atau nakhoda kapal juga memberikan hadiah kepada pembesar-pembesar baginda menurut taraf masing-masing.

Setelah raja dan pembesar-pembesar serta saudagar-saudagar selesai berunding menetapkan harga barang-barang yang diniagakan, baharulah gong dibunyikan untuk menarik penjaja dan orang ramai datang ke pelabuhan membeli-belah.

Barang siapa yang memulakan perniagaan sebelum harga barang-barang ditetapkan, mereka akan dikenakan hukuman berat. Jika yang membuat kesalahan itu terdiri daripada anak buah kapal; mereka akan dihukum bunuh. Akan tetapi jika yang bersalah itu ialah saudagar, ia diringankan daripada hukuman bunuh.

Setelah saudagar-saudagar itu selesai bermiaga, mereka tidak dibenarkan belayar sehingga sampai hari perayaan Buddha dalam bulan Jun. Menurut

kepercayaan penganut agama Buddha sekiranya mereka belayar dan melanggar pantang, mereka akan mendapat kecelakaan dalam perjalanan, seperti ditimpa oleh angin ribut dan gelombang besar.

Ketika sampai waktunya saudagar-saudagar itu hendak belayar, raja akan memberi jamuan kepada saudagar dan anak buah kapal. Sebagai tanda kasih, baginda juga mengurniakan hadiah kain tenunan Brunei, kapur barus dan lain-lain barang kepada mereka menurut susunannya.

Menurut riwayat China, pada TM 1291 perdagangan Brunei dengan China berjalan dengan baik. Cara mereka berjual beli kemas dan teratur; diawasi oleh ketua jurutulis, penolong ketua, pembantu ketua dan pegawai-pegawai yang mengawal sukanan dan timbangan.

Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hasan, Sultan Brunei Ke-9 (TM 1582–1598). Tiap-tiap kapal yang masuk ke pelabuhan Brunei dikenakan cukai. Kapal besar cukainya 1000 riyal. Kapal kecil cukainya 700 riyal. Barang-barang yang diniagakan dikenakan cukai juga. Iaitu tiap 10 cukainya satu. Tiap-tiap 100 cukainya 10.

Sungguhpun begitu, jika saudagar atau nakhoda kapal memohon bebas cukai; ia boleh dipertimbangkan dengan syarat saudagar atau nakhoda kapal itu hendaklah memberikan barang pesambah dan hadiah kepada raja dan pembesar-pembesar baginda menurut selayaknya. Setelah dibayar, maka saudagar atau nakhoda kapal itu pun bebas berjual beli, dan hartanya pun tidak akan dirampas.

Perdagangan Brunei dengan Negeri-Negeri Jiran

Setelah pelabuhan Brunei termasyhur dan diketahui oleh saudagar-saudagar asing, maka ramailah saudagar dan nakhoda datang berduyun-duyun ke Brunei untuk berniaga dengan penduduk tempatan kerana Brunei kaya dengan hasil mahsulnya. Mereka ini datang dari Arab, India dan China. Ada juga yang datang dari negeri-negeri jiran tetangga seperti dari Pegu, Patani, Manila, Suluk, Balayan, Mindoro, Magindanao, Jawa, Bugis, Batak, Palembang, Aceh, Minangkabau, Pahang, Melaka, Terengganu, Kelantan, Riau, Siam dan Kemboja.

Saudagar dan nakhoda ini datang ke pelabuhan Brunei membawa hasil negeri masing-masing untuk diniagakan di pasar Brunei. Apabila mereka rasa selesa dan aman tinggal di Brunei, ada yang berkahwin dengan penduduk tempatan, dan terus menetap di Brunei mengurus perniagaannya.

Saudagar atau peniaga-peniaga Brunei pun begitu juga. Mereka belayar ke China, Pegu, Pahang, Terengganu, Kelantan, Melaka, Jawa, Aceh, Bugis, Manila, Suluk, Patani, dan negeri-negeri di sekitar Siam membawa barang-barang dagangannya. Mereka dikenali sebagai peniaga-peniaga yang berani dan berjaya.

Pada zaman dahulu ada seorang saudagar Brunei yang kaya dan termasyhur. Pekerjaannya bermula dengan garam. Oleh kerana dia selalu berulang-alik ke Siam maka dia pun digelar Nakhoda Siam.

Ketika Melaka diperintah oleh Portugis, pada tahun 1514 beberapa buah kapal Brunei datang ke Melaka. Mereka membawa bermacam-macam hasil negeri untuk diniagakan di sana. Begitu juga pada tahun 1515, beberapa orang ahli perniagaan Brunei datang lagi ke Melaka. Mereka membawa emas, kapur barus, lilin, madu lebah, sarang burung, padi, sagu dan bermacam-macam jenis barang makanan. Apabila mereka balik, mereka telah membeli berbagai-bagai jenis pakaian, tembikar, manik, dan bermacam-macam jenis barang-barang lain untuk diniagakan di Brunei.

Pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah, Sultan Brunei Ke-5 (TM 1485–1524), Sultan ‘Abdul Kahar, Sultan Brunei Ke-6 (TM 1524–1530) dan Sultan Saiful Rijal, Sultan Brunei Ke-7 (TM 1533–1581), hubungan perdagangan Brunei dengan Manila, Tondo, Balayan, Mindoro, Cebu, Cagayan, Suluk dan Magindanao berjalan dengan baik. Akan tetapi setelah Sepanyol bertapak di Cebu dan Manila, hubungan perdagangan itu pun terjejas dan putus.

Apabila hubungan Brunei dengan Manila pulih, perdagangan di antara kedua-dua belah pihak pun disambung semula. Menurut orang Sepanyol, kira-kira pada tahun 1609, beberapa buah kapal Brunei telah sampai di pelabuhan Manila. Kapal-kapal tersebut sarat dengan bermacam-macam hasil Negeri Brunei untuk diniagakan di pasar Manila. Antaranya ialah kapur barus, berlian, sagu, galuk dan tikar mengkuang yang tinggi mutu buatannya. Ketika mereka balik, sebagai bekalan mereka telah membawa berus, kain kapas dan barang-barang lain yang diperlukan di Brunei.